

Newspaper	Berita Harian
Date	27/2/2011

Melayu makin keliru hala tuju

PERKASA mampu jadi kuasa ketiga pilihan raya akan datang: Dr M

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
bhnews@bharian.com.my

KAMPUNG GAJAH: Orang Melayu sekarang semakin keliru dan tidak tahu hala tuju sehingga bukan saja tidak lagi mahu berterima kasih malah mempertikaikan pula jasa kerajaan yang membantu mereka, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, kerajaan melakukan pelbagai perkara membantu rakyat termasuk mewujudkan banyak peluang pekerjaan sehingga tiada penduduk mahu bekerja dan memaksa kerajaan membenarkan orang asing bekerja di negara ini.

Katanya, jika kerajaan sekarang tidak menghiraukan rakyat, kemungkinan sebahagian besar orang Melayu khususnya golongan muda tidak menjadi profesional tetapi masih bekerja di kebun, sawah atau menangkap ikan secara tradisional.

"Orang Melayu sekarang keliru, tak tahu hendak pergi

ke mana, kita tolong dia pun dia kata kita, kita tak tolong dia kata juga. Negara lain ada pemberontakan kerana kerajaan tak bantu rakyat, sampai 20 peratus penduduk tiada pekerjaan, bukan seperti di Malaysia.

"Sepatutnya mereka (orang Melayu) berterima kasih, dulu tak dapat biasiswa sekarang ada biasiswa, boleh jadi doktor pakar pembedahan, dulu mungkin jadi penoreh getah saja. Kita bagi peluang semua, tapi bila orang tak kenang budi, susahlah," katanya sinis.

Bercakap selepas menyampaikan ucap utama Perhimpunan Melayu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) Perak, di sini semalam, Dr Mahathir berkata, PERKASA mampu menjadi kuasa ketiga pada pilihan raya umum jika berlaku saingan sengit di sesuatu kawasan pilihan raya.

"PERKASA boleh jadi third force terutama apabila margin kemenangan kecil, katakan majoriti kemenangan bergantung antara 100



DR MAHATHIR berucap pada perhimpunan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia di Litar Datuk Sagor, Kampung Teluk, Kampung Gajah, semalam.

hingga 200 undi, jadi PERKASA akan memainkan peranan cukup besar," katanya sambil menambah PERKASA juga boleh tidak menyokong mana-mana pihak yang meletakkan calon tidak berwibawa.

Mengenai Wawasan 2020,

Dr Mahathir berkata, ia boleh dicapai sekiranya pertumbuhan ekonomi dapat kekal tujuh peratus setahun daripada sekarang serta memperbanyak pelaburan domestik tanpa terlalu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI).

Pada masa sama, katanya, semua rakyat perlu bekerja keras dan memastikan produk yang dihasilkan dalam negara berkualiti dengan produktiviti terjamin agar berdaya saing dan berdagang dengan negara luar dengan lebih berjaya.